

UniSZA akan naik taraf universiti Islam ketiga

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Gong Badak bakal dinaiktaraf menjadi universiti Islam ketiga di negara ini selepas Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Dato' Haji Jailani Ngah berkata, perancangan itu memandangkan tidak ada lagi universiti Islam di Pantai Timur, selain cawangan UIA di Kuantan Pahang.

"Setakat ini perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berjalan lancar dan berharap ia akan menjadi kenyataan," katanya ketika ditemui dalam satu majlis di UniSZA

Oleh **ESAH ABDULLAH**
esahukom@yahoo.com

baru-baru ini. Katanya, UniSZA memang dikenali sebagai sebuah universiti Islam yang menawarkan pelbagai kursus berkaitan Islam dan sudah menjadi sebutan sejak awal operasinya yang dikenali sebagai Kolej Sultan Zainal Abidin (Kusza).

"Kini sudah sampai masanya untuk dinaiktaraf ke tahap lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, UniSZA tidak mempunyai masalah dari aspek kemudahan kerana mempunyai fasiliti yang dapat memenuhi tahap sebagai universiti Islam dan perkara itu akan direalisasikan sebaik sahaja pengumuman mengenainya dibuat oleh Menteri KPT tidak lama lagi.



JAILANI NGAH

"Untuk megekalkan identiti Islam yang sekian lama menjadi sebutan, nama UniSZA akan dikekalkan walaupun sudah bertukar taraf nanti," katanya.

Katanya, pelbagai faktor yang boleh menyokong UniSZA sebagai sebuah universiti Islam walaupun tiada nama khusus (Islam) berikutan pengajian yang ditawarkan di pusat pengajian tinggi itu sememangnya menjurus ke arah itu.



Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof Dr Yahaya Ibrahim menyampaikan cenderamata kepada mantan Timbalan Naib Canselor Unisza, Prof Dr Abdul Manaf Ali semasa Majlis Ucapan Tahunan Naib Canselor dan Penganugerahan Kecemerlangan Unisza 2013 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), di sini.